

<http://pdkn.jpkn.sabah.gov.my>

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

Januari—Disember 2016

Warga PDKN

Ebenezer Godomon (PTM) - Ketua Bahagian PDKN

Dicky Malanjun (PPTM) - Pengurus Web & Pangkalan Data

Razaleigh Yusof (PPTM) - Pengurus Backup & Restore

Teddy Romeoz Donald (PPTM) - Pengurus Perisian Sumber Terbuka

Mohd Shukri Kasim (PPTM) - Pengurus Rangkaian

Justina Kilos (Juruteknik) - Ketua Operator

Salmah Abd Sani (Juruteknik) - Operator

Fauziah Mohd Dani (Juruteknik) - Operator

Salam Redaksi

Salam sejahtera dan salam IMalaysia.

Sejak penubuhannya pada tahun 2008, ini adalah terbitan eMajalah tahunan PDKN kesembilan.

Seperti dinyatakan pada tahun lalu, PDKN dijangka berpindah ke bangunan Pusat Pentadbiran Negeri Sabah (PPNS) bersama-sama dengan ibu pejabat JPKN, namun perkara ini telah ditangguhkan ke suku pertama 2017.

Seperti juga pada tahun-tahun lepas, eMajalah ini akan mengimbuu pengalaman-pengalaman menarik dan berimpak tinggi sepanjang tahun 2016.

Seperti biasa, format eMajalah PDKN yang padat dan ringkas ini membuatnya amat mudah dibaca, dan kami berharap isinya bermanfaat kepada para pembaca.

Selamat membaca!

Disember 2016.



Pusat Pentadbiran Negeri Sabah (PPNS), lokasi baharu PDKN.

Pengukuhan PDKN dan Disaster Recovery Centre (DRC)

Pelan tindakan untuk menggubal Pelan Tindakan Pemuliharaan Bencana untuk PDKN dan DRC telah dimasukkan ke dalam Prosedur Quality Management System (QMS) PDKN.

Perkara ini akan ditambahbaik pada tahun 2017 dengan bekerjasama dengan Cawangan Tawau & BKS untuk mengkaji semula dan meng-

maskini dokumen Business Continuity Plan (BCP) untuk disesuaikan dengan keadaan semasa.

Penggubal polisi instalasi sistem ke server *testing* dan *training* pula telah dilaksanakan dan dimaklumkan kepada semua Ketua Bahagian / Cawangan / KSIT untuk tindakan susulan.



Pelaksanaan Active Directory (AD) di Perkhidmatan Awam Negeri

Sebelum tahun 2016, beberapa Kementerian/Jabatan negeri telah mempunyai infrastruktur AD sendiri.

PDKN telah mengambil inisiatif merancang pelaksanaan AD yang teratur meliputi keseluruhan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah. Perkara ini akan

dilaksanakan dalam 4 fasa.

Setakat tahun 2016, fasa 1 telah dilaksanakan, di mana rekabentuk asas infrastruktur AD untuk semua Kementerian & Jabatan di PPNS telah dilaksanakan.



Pelaksanaan *Network Operation Centre (NOC)* Negeri

NOC di PPNS telah dibangunkan pada tahun 2016 dan dijangka mula beroperasi sepenuhnya pada Mac 2017, di mana ia akan mengurus operasi persekitaran dan rangkaian PDKN dan PPNS, di samping memantau operasi peralatan-peralatan rangkaian di KSIT dan Cawangan.



Pelaksanaan *Cloud Storage* di Agensi Kerajaan Negeri

Pada tahun 2016, perluasan pelaksanaan *Cloud Storage* telah dilaksanakan dengan penyediaan ruang yang mencukupi untuk 400 akaun pengguna.


Pada tahun 2017, penyediaan ruang tambahan akan dilaksanakan berdasarkan hasil kajian pelaksanaan *Cloud Storage* agensi Kerajaan Negeri Sabah (KNS) oleh Bahagian Pengurusan Rangkaian (BPR).



Pengembangan sistem *tapeless backup DR Prophetstor*

2 buah *appliance* DR Prophetstor telah diperoleh dan beroperasi 1 unit setiap satu di PDKN dan JPKN Cawangan Tawau.


Sehingga penghujung tahun 2016 hampir 30 server kini telah dilindungi oleh sistem ini meliputi semua sistem aplikasi yang dibangunkan JPKN dan dihoskan di PDKN.



Pelaksanaan *virtualization* fasa 3

Perkara melibatkan pelaksanaan *blade server* dan *Storage Area Network* (SAN) baharu, dan perpindahan semua *Virtual Machine* (VM) dari infrastruktur *virtualization* asal kepada yang baharu, di samping meneruskan aktiviti P2V dan *consolidation*.

Sebanyak 2 server fizikal telah melalui proses P2V atau *consolidated* pada tahun 2016.



Persediaan perpindahan ke Pusat Pentadbiran Negeri Sabah (PPNS)

Perpindahan fizikal

Kunci ke pintu-pintu PDKN di PPNS telah diserahkan bermula 27 Disember 2016.

Perpindahan peralatan PDKN, dan pemasangan peralatan baru ke PPNS

Setakat tahun 2016, perkara-perkara berikut telah atau mula dipindahkan dan beroperasi di PPNS:

- semua kategori *switch: core, distribution, edge*
- *standalone* UPS untuk *edge switches* di bilik telekomunikasi (TR)
- peralatan SabahNet, termasuk *firewall*
- peralatan Telekom Malay-

sia (TM)

- server Intelligent Management Center (IMC)
- server Software Defined Networking (SDN)
- server Active Directory (AD)
- server Dynamic Host Configuration Protocol (DHCP)



Pelaksanaan Sistem Persidangan dan Kolaborasi Atas Talian

Projek ini bertujuan untuk melaksanakan satu sistem web conferencing yang boleh digunakan oleh kakitangan JPKN termasuk cawangan agar dapat mengikuti mesyuarat secara maya, demi menjimatkan kos perjalanan.

Untuk tujuan itu, satu sistem berasaskan sumber terbuka penuh telah diuji dengan jayanya

pada awal 2015. Perkakasan telah diterima pada Disember 2015 dan pelaksanaan penuh telah dimulakan semasa Bengkel Kesedaran MS ISO 9001:2015 di Bilik Mesyuarat Utama, Kementerian Kewangan, Wisma Kewangan pada 22 Ogos 2016.



Pen test, hosting pelayan & sistem-sistem aplikasi

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 80 aktiviti *pen test* (termasuk *re-pentest*) telah dilaksanakan terhadap sistem-sistem aplikasi dan laman-laman web.

Hosting sistem aplikasi telah dilaksanakan untuk 14 buah sistem aplikasi baru, termasuk sistem Sistem Factory In Operation Online Registration (FIOR), eTempahan Perpustakaan Negeri Sabah, eLejar (JBN), eJPSM, Sistem Penilaian Kompetensi JPKN, Sis-

tem Maklumat Pengurusan Latihan Bersepadu (SMPLB), Sistem Permohonan Pembelian - Versi Global, Sistem Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan (eTTPP) dan Sistem eKuasa Menandatangani Baucar Debit (JBN).



Pelaksanaan 5S

PDKN telah muncul johan pertandingan-pertandingan berkeajaan 5S berikut:

- Pertandingan Ruang Persekitaran 5S Terbaik JPKN 2016 yang diadakan pada 1-3 Jun 2016.
- Pertandingan Akhir Ruang Persekitaran 5S Terbaik JPKN 2016 yang diadakan pada 7-9 September 2016.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan syabas dan tahniah diungkapkan kepada semua kakitangan PDKN yang telah menunjukkan kerjasama yang padu dalam pelaksanaan 5S di peringkat bahagian sejak ia dimulakan pada tahun 2010, dan khususnya kepada Puan Fauziah Dani yang menegerai aktiviti 5S di PDKN.



Pelaksanaan Quality Management System (QMS) MS ISO 9001:2015

En Razaleigh & En Shukri telah menghadiri kursus audit dalaman MS ISO 9001:2015 pada 8-9 Jun 2016.

En Ebenezer, En Razaleigh dan En Shukri telah mengikuti Bengkel Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 pada 13-15 Januari 2016.

En Ebenezer dan En Razaleigh telah mengikuti Bengkel Lanjutan Dokumentasi ISO 9001:2015

pada 15-17 Februari 2016 di mana proses *review* dan perubahan dokumentasi selaras dengan penaiktarafan versi QMS kepada 2015 dilaksanakan.



Pelaksanaan Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan

Perkara ini dijalankan oleh auditor dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSD), dan bertujuan mempertingkatkan tahap keselamatan perlindungan di semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan bagi menjaga ke-

rahsiaan dan aset kerajaan supaya sentiasa berada dalam keadaan selamat.

PDKN telah menjalani aktiviti ini, yang julung kalinya di adakan di Jabatan, pada 17 Ogos 2016, dan hasilnya

Jabatan telah menerima Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan dengan penarafan lima bintang (cemerlang).




Aktiviti Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)

Kumpulan Yahai, iaitu kumpulan KIK dari PDKN telah dipilih pada 7 November 2016 untuk bertanding di peringkat negeri pada 30 November 2016, dan telah menduduki tempat keempat.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan syabas dan tahniah diungkapkan kepada semua ahli kumpulan yang telah

menunjukkan kesungguhan untuk menjayakan perkara ini, lebih-lebih lagi masa yang diberikan untuk membuat persediaan amatlah singkat, iaitu hanya 3 minggu.

Ahli-ahli kumpulan: En Ebenezer, En Teddy Romeo, En Razaleigh, En Shukri, Pn Justina,



Pengalaman dan cabaran yang dihadapi

Dalam proses persediaan dan perpindahan pejabat, setakat tahun 2016, beberapa cabaran telah dilalui.

Cabaran pertama ialah tarikh sasaran perpindahan yang sering berubah. Persediaan perpindahan telah bermula pada penghujung 2015, dan dalam sepanjang tahun 2016, tarikh sasaran perpindahan yang dimaklumkan dalam mesyuarat-mesyuarat bulanan Site Meeting sering berubah. Beberapa hari sebelum penghujung tahun 2016, akhirnya kunci untuk Pusat Data di PPNS diserahkan oleh kontraktor

bangunan, dan proses perpindahan PDKN akhirnya dapat dimulakan, namun didapati terdapat masih banyak isu-isu fizikal dan kemudahan dalam bangunan, termasuk isu-isu berkenaan ICT yang berada di bawah tanggungjawab kontraktor.

Cabaran kedua ialah dilema tentang sama ada aktiviti penyelenggaraan atau pembaikan perlu dilaksanakan terhadap peralatan sedia ada di PDKN. Contohnya:

- jika 1 unit penghawa dingin kecil (split) di PDKN rosak, adakah ia perlu diperbaiki?

- Adakah program pest control perlu diteruskan?
- Adakah bateri sistem jana kuasa utama perlu digantikan?

Cabaran ketiga ialah menentukan tindakan susulan terhadap peralatan sedia ada di PDKN yang tidak diperlukan di PPNS, atau hanya perlu digunakan untuk sementara waktu di PPNS, yang termasuk sistem kehadiran pejabat (Biometrik), sistem penghawa dingin, sistem UPS utama, sistem jana kuasa, sistem CCTV, dan lain-lain yang berkenaan. Tindakan susulan adalah termasuk:

- *redeployment* di organisasi lain yang memerlukan
- *redeployment* di PPNS dengan peranan yang baharu
- pelupusan

Pelaksanaan Information Security Management System (ISMS) ISO 27001:2013

Audit dalaman telah dilaksanakan pada 23 Ogos 2016.

Audit luaran (surveillance audit) oleh pihak SIRIM) ditangguhkan ke tahun 2017 disebabkan aktiviti persediaan perpindahan ke PPNS.



ISO/IEC 27001:2013

Visi

Untuk menjadi pusat data terbilang dalam perkhidmatan awam.

Misi

Memberikan perkhidmatan pusat data yang cemerlang kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Moto

Pengurusan maklumat selamat dan cekap.

Objektif

Untuk memberikan perkhidmatan pusat data bagi Kerajaan Negeri Sabah dan memastikan keselamatan dan operasinya berada pada tahap terbaik.

Fungsi

1. Memberi perkhidmatan teknikal kepada jabatan-jabatan pengguna:

- (i) mengurus operasi perkhidmatan teknikal;
- (ii) melaksanakan aktiviti khidmat teknikal

2. Memberi perkhidmatan pusat data kepada sektor awam negeri:

- (i) penempatan server;
- (ii) penyimpanan media sokongan;
- (iii) sokongan data dan aplikasi.

Pengiktirafan sumbangan warga PDKN

Dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 dan Persaraan Kakitangan 2016 Jabatan yang diadakan pada 27 Mei 2016, warga PDKN berikut telah diiktiraf:

- En Mohd Shukri Kasim: anugerah perkhidmatan cemerlang
- Pn Salmah Sani : anugerah perkhidmatan melebihi 35 tahun

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada mereka; semoga pengiktirafan ini menjadi pemangkin untuk terus berbakti dengan tekun demi kebaikan tanah air, dan agar menjadi contoh dan teladan kepada warga PDKN yang lain.

